

DATE: 24/7 / 2008

Jangan biar Singapura ambil kesempatan

Oleh NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR

KUALA LUMPUR 23 Julai - Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia hari ini membidas kenyataan Menteri Kanan Singapura, Balaji Sadasivan yang menuntut perairan wilayah 12 batu nautika dan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) di sekitar Batu Putih.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (**gambar**) berkata, kenyataan Balaji itu dianggap sebagai membelakangkan semangat dua buah negara 'berjiran

serta menafikan semangat kesatuan dalam ASEAN.

"Kenyataan itu secara terang-terangan menunjukkan bahawa Singapura tidak menghormati hasrat keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang mahu kerjasama serantau dijadikan amalan dalam usaha membangunkan rantau ini.

"Republik itu sebaliknya lebih menonjolkan keangkuhan mereka dan tidak langsung menghormati Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Singapura yang telah diwujudkan sebelum ICJ membuat keputusan berhubung kedudukan Batu Putih pada Mei

lalu," kata beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Justeru, Pemuda UMNO menggesa kerajaan terutamanya Kementerian Luar agar bertindak tegas dalam soal mengenai hak kedaulatan negara di perairan tersebut dalam segala urusan bagi menentukan sempadan yang sepatutnya tanpa memberi ruang kepada Singapura mengambil kesempatan.

"Pemuda UMNO juga mahu kepentingan nelayan kita dan tahap keselamatan di sekitar kawasan itu turut diambil kira sebagai keutamaan dalam persiapan semasa kita berhadapan dengan Singapura," tegasnya.



um - 24/7/2008